

Ruj.kami : MBPJ/090100/T/A6/Jld12 (90)
Tarikh : 19 Mac 2015

PERTUKARAN LALUAN PJ CITY BUS

Sejak pelancaran perkhidmatan bas percuma PJ City Bus pada 1 Mei 2014 yang lalu oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, permintaan dan jumlah penumpang telah semakin meningkat kini dari sekitar sejumlah 3,500 orang sehari kepada 8,000 penumpang sehari.

Laluan asal satu laluan PJ 01 sejauh 28 kilometer yang bermula di HAB Bas Jalan PJS 3/2 menuju ke arah Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) kini telah dibuat 2 laluan.

Berikutan sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Petaling Jaya, Majlis telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik lagi perkhidmatan sediaada dengan menambah jarak laluan ke kawasan SS 2/24. Laluan baru ini akan meliputi kawasan SS 2/24, SS 2/66, SS 2/75 dan SS 2/55 Petaling Jaya.

Laluan asal dengan satu laluan PJ 01 akan dipecahkan kepada 2 laluan PJ 01 dan PJ 02 dengan titik transit di Stesen LRT Taman Jaya. Laluan baru tersebut adalah seperti berikut :-

1. LALUAN 1: PJ 01

LALUAN PJ 01 - HAB JALAN PJS 3/2 KE STESEN LRT TAMAN JAYA

Bermula di Hab Jalan PJS 3/2 – Jalan Klang Lama – NPE - Jalan Templer - Jalan Othman - Jalan Selangor - Jalan Sultan - Jalan Yong Shook Lin - Jalan Barat - Stesen LRT Taman Jaya dan seterusnya ke HAB PJS 3/2.

2. LALUAN PJ 02

LALUAN PJ 02 - STESEN LRT TAMAN JAYA KE PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (PPUM)

Bermula di Stesen LRT Taman Jaya - Jalan Barat - Jalan Semangat – Jalan 17/47 (Seksyen 19) - Jalan SS2/24 – Jalan SS 2/75 – Jalan SS 2/66 – SS 2/55 - Jalan SS 2/24 – Jalan 17/47 – Jalan Universiti ke PPUM dan kembali ke Stesen LRT Taman Jaya.

Dijangka dengan kadar kekerapan laluan bas pada setiap 25 minit akan dapat membantu memendekkan jarak laluan bagi pengguna dari arah Pusat Bandar untuk ke destinasi ke PPUM, SS 2 dan kawasan sekitar laluan ini.

Sepertimana yang telah diwar-warkan di dalam laman sesawang dan media sosial Majlis, **TARIKH BERKUATKUASA LALUAN BARU INI AKAN BERMULA PADA 11 April 2015** dan pengguna dinasihatkan supaya membaca peta laluan baru ini untuk mengelakkan kekeliruan.

Pengguna dinasihatkan supaya bersabar dengan pertukaran laluan bas baru ini dan Majlis amat menggalakkan penduduk Petaling Jaya yang berada dan bekerja di Pusat Bandar Seksyen 52 Petaling Jaya supaya menggunakan PJ City Bus ini bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di kawasan Pusat Bandar ini.

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 206/208, Faks : 03-79582695. [Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Unit Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#)